

KWSP pelbagaikan pelaburan tingkat hasil

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sedang mengkaji untuk mempelbagaikan portfolio pelaburannya dalam usaha meningkatkan pulangan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata dana pencen terbesar di Malaysia itu merancang untuk melabur lebih banyak dalam ekuiti swasta, hartanah dan infrastruktur.

"Dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang, kami merancang untuk meningkatkan pelaburan dalam tiga segmen, iaitu kira-kira 10

peratus daripada jumlah aset, berbanding pada masa ini iaitu lebih daripada enam peratus.

Berdaya maju

"Menerusi pengalaman antara enam hingga tujuh tahun mengenai aset sebelum ini, kami yakin ia akan berdaya maju dan akan membantu kami untuk mencapai sasaran lindung nilai inflasi kami," katanya pada temu bual di Bloomberg Markets Most Influential Summit di Hong Kong, kelmarin.

Shahril berkata, rancangan dan sasaran jangka panjang

dana pencen itu ialah menyedikan pulangan kadar.

"Bagi membolehkan kami mencapai matlamat itu, kami perlu mempunyai aset lindung nilai inflasi.

"Pelabur di seluruh dunia berusaha untuk menjana pulangan kadar faedah dengan kadar faedah yang menghampiri rekod terendah, menjejaskan pulangan bon dan turun naik tinggi dalam pasaran saham," katanya.

Firma pelaburan Singapura, GIC Pte dan Temasek Holdings Pte kedua-duanya bersaing

untuk mendapatkan pulangan lebih rendah, di tengah-tengah ketidaktentuan global.

KWSP yang berpangkalan di Kuala Lumpur, yang kini memiliki hampir AS\$170 bilion (RM701.53 bilion) aset, dilaporkan pada awal bulan ini, pendapatan pelaburannya pada suku kedua jatuh 26 peratus kepada RM8.44 bilion ringgit (AS\$2 bilion), berbanding tahun sebelumnya.

Pendapatan tetap menyumbang kira-kira 52 peratus daripada pelaburan aset sehingga Jun, manakala ekuiti mewakili 41 peratus.

BLOOMBERG